

25 NOV 1997

Premis - Tutup

SEPULUH PREMIS DIARAH TUTUP KERANA TIDAK BERSIH

LANGKAWI, 25 Nov (Bernama) -- Sepuluh premis termasuk restoran di pulau peranginan ini diarah tutup buat sementara waktu kerana didapati kurang memberi penekanan kepada aspek kebersihan.

Pegawai Kesihatan Langkawi, Lt.Kol (B) Osman Haji Siru hari ini berkata arahan penutupan premis itu dibuat dalam operasi kebersihan yang diadakan Ahad lepas, sebagai persediaan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) mulai 2 hingga 7 Dis ini.

"Kita tidak mahu peniaga mengamalkan sikap tidak menjaga kebersihan kerana ia amat penting terutamanya untuk menyediakan makanan kepada para pelanggan", katanya.

Beliau berkata pemilik kedai/restoran itu akan dibenarkan untuk menjalankan perniagaan semula sekiranya mereka menunjukkan minat untuk meningkatkan tahap kebersihan.

Ini juga bersesuaian dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung kebersihan, katanya.

"Kita harus memberi perhatian terhadap saranan Perdana Menteri itu untuk memastikan Langkawi sentiasa bersih dan indah", jelasnya.

Katanya, operasi itu akan diadakan secara berterusan, walaupun selepas LIMA 1997 dengan kerjasama 40 kakitangan Jabatan Kesihatan dari Alor Setar, Sungai Petani dan Langkawi serta penguatkuasa Majlis Daerah Langkawi (MDL).

Beliau berkata operasi itu diadakan secara bersepadu bagi memudahkan pemeriksaan dibuat ke atas premis termasuk gerai, restoran dan hotel/chalet yang mempunyai kedai makan.

Osman berkata sebanyak 38 dari 84 premis yang telah diperiksa diberikan notis dan amaran bertulis supaya mengambil tindakan segera untuk meningkatkan tahap kebersihan.

Selain itu, MDL turut mengeluarkan 33 kompaun ke atas premis yang didapati kurang memberi penekanan kepada aspek kebersihan, tambahnya. --

BERNAMA

ZI RI